


BATA MERAH

JANUARI - MAC

SESI TOWNHALL
BERSAMA DEKAN
FSSK

PENCAPAIAN
FSSK 2023



JANUARI - MAC

2024

Bicara Perdana
Naib Canselor



SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



ISI KANDUNGAN

03-06

Sesi Townhall 2024

Sesi Dialog Awam bersama
Dekan FSSK
#IkutResmiPadi

07-08

Makmal Sosial FSSK

FSSK lancarkan Makmal Sosial
FSSK@Komuniti ke-2
Perjuangkan Hak Kanak-Kanak
Pelarian

09-10

Bicara Naib Canselor

Sorotan Utama
Bicara Perdana Naib Canselor
UKM 2024

11-12

Kecemerlangan Penyelidikan

FSSK terima pengiktirafan
Kumpulan Penyelidikan Universiti
(KPU)

13-14

Kod Etika Wartawan

Mention FSSK sumbang
kepakaran dalam Kod Etika
Wartawan Malaysia

15-16

Penghidap HIV/AIDS

PsiTra FSSK tekad kurangkan
Stigma, Diskriminasi terhadap
penghidap HIV/AIDS di Malaysia

17-22

Jaringan FSSK

Sesi lawatan ke FSSK
2024

23-24

Perasmian Karnival Keusahawanan

PERKASA FSSK lahirkan
golongan remaja B40 berbakat

#IkutResmiPadi

SESI DIALOG AWAM BERSAMA DEKAN FSSK

Tidak mahu sudah kalah baru berkubu, FSSK sememangnya bersiap siaga mengatur strategi tadbir urus yang menyeluruh melalui sesi dialog awam dan menjadi landasan dalam membentuk fakulti sebagai salah sebuah fakulti terkaya dengan sejarah dan kecemerlangan yang seiring dengan TERAS universiti watan.

Pelan Strategik FSSK 2023-2025 telah menggariskan lima (5) teras pengukuhan halatuju FSSK berserta tiga puluh dua (32) inisiatif-inisiatif dan strategi pelaksanaan bagi menyokong agenda utama FSSK dalam melahirkan masyarakat pemikir. Antara lima teras pengukuhan tersebut adalah pendidikan berkualiti untuk semua, pengalaman pelajar, penyelidikan berimpak, kelestarian sumber serta jaringan dan jangkauan.

Pendidikan Berkualiti Untuk Semua. Ahli akademia FSSK berganding bahu dalam menyediakan pendidikan berkualiti melalui kurikulum kalis masa hadapan bagi semua peringkat masyarakat. Dalam melebarkan kepelbagaian pembelajaran, FSSK tetap mengekalkan prinsip menyediakan pendidikan berkualiti tinggi apabila 59 program pengajian prasiswazah dan siswazah di FSSK memperoleh akreditasi penuh dan tersenarai di dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) oleh Malaysian Qualification Agency (MQA). Dalam menjaga kualiti pendidikan, akreditasi dan semakan terhadap kualiti pengajaran, FSSK kekal cemerlang 100% menerusi semakan audit dari semasa ke semasa.



Pencapaian Halatuju 1: Pendidikan Berkualiti Untuk Semua

Bil.	Pencapaian
1.	59 proram prasiswazah dan siswazah memperoleh akreditasi penuh dan tersenarai di dalam MQR oleh MQA
2.	3 buah program baharu diwujudkan dengan akreditasi sementara
3.	Sebuah program baharu di bawah Badan Profesional dengan akreditasi sementara
4.	100% program pengajian di FSSK lulus semakan dan audit
5.	Sebuah program ODL
6.	300% jumlah kursus MOOC



Pengalaman Pelajar. Di samping itu juga, program Mobility Exchange dan kursus pendek berasaskan kemahiran teknologi digital melibatkan alumni serta program CEO@FSSK adalah sebagai bukti strategi FSSK dalam mempersiapkan pelajar-pelajar dengan pengalaman soft-skills sebagai nilai tambah dalam peluang pekerjaan serta membentuk pelajar yang holistik demi membina generasi muda yang berkeyakinan, bersifat dinamik, dan mempunyai jati diri yang mantap. FSSK juga boleh berbangga dengan kejayaan dua program latihan industri luar negara di Universitas Andalas dan Universitas Muhammadiyah, Indonesia yang melibatkan pelajar-pelajar daripada Program Linguistik dan Kerja Sosial. Kualiti mahasiswa FSSK juga telah dibuktikan dengan kejayaan yang dikecapi oleh tiga graduan FSSK yang telah tersenarai sebagai penerima anugerah utama pada Majlis Konvokesyen UKM ke-51.



Pencapaian Halatuju 2 : Pengalaman Pelajar

Bil.	Pencapaian
1.	100% penglibatan pelajar dalam modul/kursus pendek berasaskan kemahiran teknologi digital melibatkan industri, alumni & CEO@FSSK
2.	2 program latihan industri luar negara di Indonesia
3.	3 orang graduan FSSK menerima Anugerah Utama pada Majlis Konvokesyen UKM ke-51

Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub
Dean FSSK



Pencapaian Halatuju 3 : Penyelidikan Berimpak

Bil.	Pencapaian
1.	52 penerbitan jurnal Q1-Q4
2.	436 penerbitan makalah jurnal terindeks
3.	RM13.8k ganjaran penerbitan fakulti
4.	23 penyelidikan rentas bidang
5.	16 jumlah geran kecil penyelidikan (GKP)
6.	RM37000 jumlah geran padanan
7.	14 penerbitan Q1-Q4 (pelajar siswazah)
8.	Sebuah produk penyelidikan
9.	40 pendaftaran harta intelek
10.	31 penerbitan buku Bahasa Melayu
11.	110 penerbitan makalah jurnal dalam Bahasa Melayu
12.	4 penyelidikan aspek bahasa, kebudayaan dan kesusasteraan
13.	RM255k jumlah geran industri
14.	RM451k jumlah geran antarabangsa
15.	9 jumlah geran translasi
16.	3 jumlah penghasilan kertas polisi

Penyelidikan Berimpak. Pemerksaan kluster penyelidikan perlu diteruskan dengan lebih agresif dan rancang agar selari dengan matlamat universiti penyelidikan. Hasil penyelidikan warga FSSK perlu dikembangkan kepada pendaftaran harta intelek, pengkomersialan, kertas polisi, penerbitan (artikel jurnal, buku, bab dalam buku), impak (manfaat kepada pihak berkepentingan), penerbitan kandungan audio visual (visibiliti penyelidik dan penyelidikan), jangkauan penyelidikan (sesi bersama industri) serta perjanjian kerjasama (MoU dan MoA). FSSK turut bangga dengan pencapaian penerbitan di dalam Bahasa Melayu demi menjulang keilmuan Bahasa Kebangsaan. Harapan tinggi FSSK adalah memastikan inovasi serta penyelidikan yang terhasil dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.



Pencapaian Halatuju 4 : Kelestarian Sumber

Bil.	Pencapaian
1.	RM3.86juta penambahbaikan infrastruktur kemudahan FSSK
2.	RM50k naik taraf Bilik Aktiv
3.	RM200k naik taraf dinding Blok A
4.	RM200k pemasangan flutewall dan pintu bilik pensyarah
5.	RM250k naik taraf tandas
6.	RM500k naik taraf ruang menjadi makmal pengurusan tekanan
7.	RM30k binaan grill dan lampu solar
8.	RM400k naik taraf kepada Bilik Seminar
9.	RM18k pemasangan CCTV di Makmal Kaunseling
10.	RM889k peralatan studio di bangunan guna sama
11.	RM88k pembelian 15 komputer di 12 bilik kuliah
12.	RM149k penambahbaikan peralatan makmal hidrogeomorfologi & makmal tanah
13.	RM23k pembelian perabot di makmal kaunseling
14.	RM100k naik taraf bilik komputer auditorium kecil
15.	RM150k peruntukan penyediaan fasiliti lengkap pertama untuk projek rintis infrastruktur kelas hybrid

Kelestarian Sumber. Bagi mewujudkan ekosistem pendidikan yang kondusif, sebanyak RM3.86juta diperuntukan menerusi kelestarian sumber dari segi penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan di fakulti. Sebahagian peruntukan juga disalurkan dalam projek rintis dewan kuliah sebagai projek rintis infrastruktur kelas hybrid yang pertama di UKM. Dengan jumlah penjana fakulti, FSSK akan memastikan setiap ahli fakulti menerima manfaat demi meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.



Pencapaian Halatuju 5 : Jaringan Antarabangsa

Bil.	Pencapaian
1.	2 program Top Scholar Talk
2.	2 ahli akademik menjalani sangkutan di industri
3.	20 orang alumni yang terlibat dalam aktiviti fakulti
4.	4 orang alumni terlibat dalam penyelidikan
5.	Sebuah program flagship di Asia Pasifik

Jaringan Antarabangsa. Menerusi jaringan yang terjalin di antara FSSK dengan pihak berkepentingan termasuk alumni, badan profesional, industri dan agensi kerajaan mahupun NGO, FSSK berusaha untuk menyediakan platform terbaik dari segi pengajaran dan penyelidikan menerusi kerjasama strategik yang dibina. Program keilmuan seperti sharing knowledge bersama Alumni Bata Merah dan program Top Scholar Talk merupakan antara usaha-usaha murni FSSK untuk membina landasan jaringan agar dapat melebarkan horizon keilmuan setiap warga fakulti. Kakitangan FSSK juga turut menjalani sangkutan industri di Jepun dan program flagship di Asia Pasifik juga memberi fokus baharu dalam membina hubungan keilmuan.

Kesimpulannya, tahun 2023 memperlihatkan strategi Pelan Strategik FSSK semakin menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Kita sedang menjalani satu proses untuk mencapai satu kemestian di dalam kecemerlangan. Tidak dinafikan ada inisiatif yang tidak mencapai sasaran atau sukar untuk dilaksanakan. Namun iltizam yang jitu perlukan oleh seluruh warga FSSK.

Sebagai universiti watan, semua ahli fakulti perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu pengajaran dan penyelidikan dengan penuh tekad dan keazaman bagi meningkatkan momentum kecemerlangan pendidikan tinggi negara dan melahirkan masyarakat pemikir. Namun, setinggi-tinggi kejayaan yang dicapai, jangan sesekali kita lupa untuk #ikutResmiPadi.



FSSK LANCARKAN
**MAKMAL SOSIAL
FSSK@KOMUNITI KE-2**
PERJUANGKAN HAK KANAK-KANAK PELARIAN

Pelarian kanak-kanak khususnya kanak-kanak Rohingya, memerlukan perhatian dan usaha yang kolektif daripada pelbagai pihak untuk membela nasib mereka. Hal ini kerana ramai daripada mereka menghadapi halangan untuk mengakses pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan asas lain. Tanpa status undang-undang atau pengiktirafan yang sewajarnya sebagai pelarian, kanak-kanak ini dinafikan peluang untuk membina masa depan yang lebih baik untuk diri mereka sendiri.

Menyedari akan pentingnya peranan yang boleh dimainkan oleh institusi pendidikan, Unit Kasih@Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah Sekretariat Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat (HEJIM) telah melancarkan Makmal Sosial FSSK@Komuniti ke-2 dengan kerjasama Refugee Intellectual Skills and Excellence (RISE). Penubuhan makmal sosial ini juga secara tidak langsung boleh membantu memenuhi elemen pengajaran dan pembelajaran (E), penyelidikan (R), serta khidmat masyarakat dalam kalangan warga FSSK.

RISE merupakan sebuah NGO di bawah Islamic Relief Malaysia (IRM) yang memfokuskan kepada memberi peluang pendidikan asas membaca, menulis dan mengira serta kemahiran komunikasi kepada anak-anak pelarian khususnya Rohingya. RISE mempunyai 77 orang pelajar yang berumur dalam lingkungan 6 hingga 17 tahun.

Makmal Sosial FSSK@Komuniti yang dilancarkan ini juga, memberikan peluang kepada pensyarah dan pelajar dari pelbagai program pengajian di FSSK untuk menjalankan kerja lapangan, seminar, atau program pemindahan ilmu (Knowledge Transfer Program) di bawah kursus yang melibatkan komuniti atau agensi yang dipilih.





Makmal Sosial FSSK@Komuniti ini juga boleh dijadikan sebagai pusat penyelidikan seperti menjadi lokasi untuk projek penyelidikan di peringkat Pra-Siswazah (Latihan Ilmiah) dan Siswazah (Penyelidikan Sarjana/PhD), serta geran penyelidikan yang melibatkan komuniti atau kumpulan sasar di agensi yang dipilih. Disamping itu, penubuhan makmal sosial ini juga diharapkan dapat mendorong warga FSSK untuk terlibat aktif didalam projek khidmat masyarakat bersama komuniti dan agensi yang dipilih dan dalam masa yang sama dapat mempamerkan sikap perhatian dan tanggungjawab sosial warga FSSK.



Langkah ini sejajar dengan usaha universiti dalam melaksanakan Tanggungjawab Sosial Universiti (University Social Responsibility - USR) untuk memberi sumbangan kepada komuniti setempat.



Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK) sentiasa memberikan sokongan padu terhadap naratif baharu Universiti Watan Kita yang telah diperkenalkan oleh YBhg. Dato' Naib Canselor pada Bicara Perdana 2021. Kini setelah lebih daripada tiga tahun, Bicara Perdana Naib Canselor ke-4 pada 6 Mac yang lalu membawakan satu perspektif yang berbeza bertajuk 'Mutiar Watan, Juara Sepanjang Zaman'

Untuk menghasilkan sebuah mutiara, prosesnya bukan sehari dua. Memerlukan kesabaran bertahun lamanya. Dek kerana itulah harga sebutir mutiara tinggi nilainya. Begitulah perumpamaan kepada kedudukan UKM pada ketika ini. UKM yang telah wujud sejak 50 tahun yang lalu telah melalui pelbagai cabaran dan rintangan untuk menggapai kecemerlangan. Seperti yang pernah diperkatakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir 'kecemerlangan adalah satu kemestian'.

Untuk kekal cemerlang, UKM telah mengharung pelbagai perubahan yang datang bersamanya cabaran seperti perubahan teknologi, ekonomi, politik serta perubahan mentaliti masyarakat dan sudah tentu UKM sentiasa bersedia dengan perubahan dan cabaran ini. Justeru. TERAS menjadi panduan kepada seluruh warga UKM dan FSSK untuk sentiasa bersedia mendepani perubahan dan cabaran yang mendatang.



SOROTAN UTAMA

BICARA PERDANA NAIB CANSELOR UKM 2024

Pada majlis itu juga, Dato' Naib Canselor telah membentangkan beberapa pencapaian UKM terutamanya dari aspek penyelidikan, pengajaran, pemerksaan mahasiswa & alumni UKM serta jaringan industri & masyarakat. Antara kejayaan utama UKM adalah seperti pembukaan kampus UKM di Doha, Qatar dan kampus pesisir di Jakarta, pengenalan triple degree bersama University of Lancaster, United Kingdom serta projek-projek pembangunan dan naik taraf fasiliti.

Pada Bicara Perdana kali ini juga memperlihatkan moto keramat 'Ilmu, Mutu dan Budi' kembali diangkat sebagai moto rasmi UKM. Ilmu adalah wahana peradaban, mutu adalah puncak pencapaian manakala budi adalah cerminan kemanusiaan. Inilah yang dimaksudkan dengan mutiara berharga yang sebenar. Mutiara peradaban asli, ilmu mutu dan budi. Kita semua adalah Mutiara berharga. FSSK akan sentiasa menyokong dan sederap melangkah bersama UKM dalam mengangkat agenda watan dengan jayanya.



YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman
Naib Canselor UKM



KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN

PENGURUSAN ALAM SEKITAR & SUMBER LESTARI (Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran SEEDS)

Bil.	Senarai Penyelidik
1.	Prof. Madya Dr. Azlan Abas (Ketua)
2.	Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Toriman
3.	Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub
4.	Prof. Ts. Dr. Kadir Arifin
5.	Prof. Dr. Muhammad Rizal Razman (LESTARI)
6.	Dr. Cheah Wai Yan
7.	Dr. Frankie Marcus Ata
8.	Ts. Dr. Mohammad Lui Juhari
9.	Dr. Siti Dina Razman Pahri
10.	Dr. Fateen Nabilla Rasli

Kumpulan penyelidikan ini berfokus kepada kajian- kajian yang menitikberatkan aspek pengurusan alam sekitar dan pembangunan lestari. Kumpulan ini juga menumpukan kepada penyelidikan rentas disiplin dan skop kajiannya meliputi tidak hanya Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa.





HEALTHCOMM (Pusat Kajian Media dan Komunikasi MENTION)

Bil.	Senarai Penyelidik
1.	Prof. Madya Dr. Emma Mirza Wati Mohamad (Ketua)
2.	Dr. Arina Anis Azlan
3.	Dr. Shamsiah Abd Kadir
4.	Dr. Hilwa Abdullah
5.	Prof. Madya Dr. Azmawati Mohammed Nawwi (PERUBATAN)
6.	Prof. Madya Dr. Caryn Chan Mei Hsien (FSK)
7.	Dr. Siau Ching Sin (FSK)

Kumpulan penyelidikan ini berfokus memperkukuhkan pendekatan C4D/SBCC dalam komunikasi kesihatan bagi Malaysia dan rantau ini melalui pengembangan kurikulum, penyelidikan latihan dan penyediaan khidmat nasihat teknikal untuk mendorong strategi dan aktiviti C4D/SBCC bersama rakan kongsi. UNICEF adalah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang memfokuskan bantuan kemanusiaan dan pembangunan kepada kanak-kanak di seluruh dunia.

KELESTARIAN SEMPADAN (SEEDS)

Bil.	Senarai Penyelidik
1.	Prof. Dr. Novel Lyndon (Ketua)
2.	Prof. Dr. Mohd Fuad Mat Jali
3.	Dr. Junaidi Awang Besar
4.	Dr. Cheah Wai Yan
5.	Prof. Madya Dr. Zaini Othman (KITA)
6.	Prof. Madya Dr. Norlin Khalid (FEP)

Kumpulan penyelidikan kajian ini berfokus mengenai sempadan dan elemen-elemen yang berkaitan dengannya dan eksplorasi secara saintifik. Sabah sebagai sebuah wilayah di Malaysia, menghadapi masalah sempadan yang kompleks dan memerlukan penyelidikan holistik yang konstruktif. Isu-isu seperti migrasi yang tidak terkawal, pertikaian tuntutan wilayah dengan negara jiran, konflik identiti budaya, dan aktiviti kumpulan pengganas adalah antara perkara yang berkait rapat. Oleh itu, sempadan antara Malaysia (Sabah) dan Kalimantan Indonesia adalah lokasi kajian yang sesuai untuk projek pembangunan Model Kelestarian Pembangunan Sempadan.



MENTION FSSK SUMBANG KEPAKARAN DALAM **KOD ETIKA WARTAWAN MALAYSIA**

Kerjaya sebagai seorang wartawan dalam era perkembangan teknologi dan penyebaran maklumat tidak benar telah menjadi satu cabaran yang besar. Justeru, pihak kerajaan buat pertama kalinya telah memperkenalkan Kod Etika Kewartawanan Malaysia oleh Malaysian Press Institute (MPI) pada 1989. Setelah hampir 35 tahun, pihak Kementerian Komunikasi melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) telah melancarkan Kod Etika Wartawan Malaysia yang baharu sebagai garis panduan kepada wartawan dan agensi media.



*Perasmian oleh YB Ahmad Fahmi Fadzil
Menteri Komunikasi*



Tiga kakitangan akademik daripada Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION) FSSK adalah merupakan antara pakar rujuk yang terlibat di dalam merangka semula kod etika berkenaan. Mereka adalah Prof. Madya Dr. Sabariah Mohamed Salleh, Dr. Hasrul Hashim dan Dr. Nurzihan Hassim. Ketiga-tiga mereka telah menerima penghargaan khas daripada YB Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi pada majlis peluncuran kod etika berkenaan pada Februari yang lalu.

Menurut mereka, sumbangan kepakaran dalam merangka semula kod etika wartawan ini merupakan satu penghormatan kepada FSSK dan UKM kerana kita sedia maklum landskap media di Malaysia dan dunia nyata telah mengalami perubahan yang sangat ketara dan salah satu langkah terbaik untuk mengatasi cabaran ini adalah dengan mempersiapkan para wartawan dengan garis panduan yang mampu mengangkat profesionalisme mereka serta agensi media sebagai sumber maklumat yang diyakini oleh rakyat.






MAJLIS PELUNCURAN KOD ETIKA WARTAWAN MALAYSIA

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

20 Februari 2024 (Selasa) | 9.30 pagi - 10.30 pagi
Dewan Serbaguna, Aras B1
Kompleks Kementerian Komunikasi, Putrajaya





PSITRA FSSK **TEKAD KURANGKAN STIGMA, DISKRIMINASI TERHADAP PENGHIDAP HIV/AIDS DI MALAYSIA**

Tidak dapat dinafikan apabila sebut sahaja penyakit HIV/AIDS, pasti ada yang mempunyai perspektif atau reaksi yang negatif terhadap penghidap penyakit ini. Hal ini kerana penyakit HIV/AIDS sering dianggap terkait dengan aktiviti yang tidak bermoral seperti seks bebas, penyalahgunaan dadah dan lain lain lagi. Rentetan daripada hal tersebut penghidap penyakit ini didiskriminasi oleh masyarakat sehingga disisihkan daripada bersosial dan pelbagai stigma juga dilontarkan kepada mereka.

Justeru, Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang diketuai oleh Dr. Azahah Abu Hassan Shaari dengan kerjasama Persatuan Kesejahteraan Rakyat Malaysia (PKRM) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menganjurkan program Advokasi Kesedaran Dan Pemeraksanaan HIV/AIDS Rakyat Malaysia yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman masyarakat tentang HIV/AIDS, seterusnya mengurangkan stigma dan diskriminasi terhadap individu yang hidup dengan HIV/AIDS.

Program ini juga bertujuan untuk memperkukuhkan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar-pelajar program Kerja Sosial di FSSK, UKM melalui kemahiran penyelesaian masalah, kerja berkumpulan, pembelajaran sendiri, serta kemahiran kerja sosial untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Dengan menggabungkan aspek advokasi, peningkatan kesedaran serta pemeraksanaan individu dan komuniti, program ini berupaya mencipta impak positif dalam mengurangkan stigma dan diskriminasi terhadap penghidap HIV/AIDS serta meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di Malaysia.

Walaupun telah terdapat banyak kemajuan dalam bidang perubatan dan penyelidikan mengenai HIV/AIDS, isu ini dianggap kritikal kerana stigma negatif dan diskriminasi hanya memburukkan keadaan pesakit dan keluarga pesakit. Perkara ini secara tidak langsung, menghalang usaha pencegahan, rawatan dan penjagaan efektif yang boleh diberikan kepada penghidap penyakit tersebut.





Melalui program advokasi kesedaran dan pemerksaan seperti ini, adalah diharapkan masyarakat akan menjadi lebih terbuka, simpati dan memberikan sokongan kepada individu yang menghidapi HIV/AIDS. Tambahan pula, program ini juga penting untuk memperkukuhkan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar agar mereka dapat menjadi tonggak kepada perubahan yang efektif dalam memerangi HIV/AIDS serta memperjuangkan hak asasi manusia.

Program ini akan menjadi sebahagian daripada pembelajaran kolaboratif rakan industri FSSK bagi tahun 2023/2024 dengan tajaan geran daripada PKRM yang melibatkan penyertaan aktif daripada 40 pelajar program Kerja Sosial di FSSK, UKM sertamelibatkan 50 kakitangan dari MBSJ. Melalui program ini, seramai 40 orang pelajar FSSK, UKM yang berminat dalam pemerksaan dan advokasi HIV/AIDS akan diberikan peluang untuk mempelajari isu-isu terkini HIV/AIDS di Malaysia.

SESI LAWATAN
JARINGAN FSSK





LAWATAN **CHULALONGKORN UNIVERSITY** SOCIAL RESEARCH INSTITUTE (CURSI) KE FSSK UKM

Lawatan Chulalongkorn University Social Research Institute (CUSRI) ke FSSK UKM telah berlangsung pada 24 Januari 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat FSSK. Tujuan kunjungan ini adalah bagi membincangkan urusan jalinan kerjasama dalam penyelidikan di antara kedua-dua pihak.



SESI LAWATAN DARI FAKULTAS ILMU SOSIAL DAN ILMU POLITIK, **UNIVERSITAS LAMPUNG, INDONESIA** KE FSSK UKM

Sesi lawatan daripada Fakultas Ilmu Sosial Dan Ilmu Politik, Universitas Lampung, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM Bangi, telah berlangsung pada 5 Februari 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Fakulti FSSK. Tujuan lawatan ini adalah untuk membincangkan tentang kerjasama dua hala antara FSSK dan FISIP terutama dalam bidang Sains Politik.



LAWATAN DARI **JERMAN, JORDAN DAN MOROCCO** KE FSSK UKM



Sesi lawatan delegasi Jerman, Jordan dan Morocco ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, telah berlangsung pada 14 Februari 2024, bertempat di Bilik Majlis, Bangunan Canselori, UKM. Lawatan ini turut membincangkan tentang kerjasama strategik bagi Projek German Academic Exchange Service (DAAD) bertajuk *“Women Diversity within Islamic Context”*.



FSSK, UKM PILIHAN KERJASAMA AKADEMIK FISIP, UHO

FSSK terus menjadi pilihan rakan strategik di peringkat antarabangsa melalui jalinan kerjasama dengan beberapa lagi universiti di Sumatera Barat dan Pulau Jawa, Indonesia. Salah satu institusi pendidikan tinggi yang telah memilih FSSK adalah Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik (FISIP), Universitas Halu Oleo (UHO), Indonesia melalui majlis menandatangani surat hasrat (Letter of Intent (LOI)).

Kerjasama ini antara lain bertujuan untuk mengenal pasti dan mencapai perkongsian matlamat, objektif selain daripada untuk memudahkan serta membangunkan pertukaran dan penyelidikan yang dapat meningkatkan landskap akademik dan memupuk pertumbuhan kedua-dua fakulti.

Perbincangan antara FSSK dan FISIP ini tertumpu kepada kerjasama melalui program pengajian Komunikasi Media, Sains Politik, dan Kerja Sosial. Hasil perbincangan mencapai kata sepakat untuk menubuhkan kolaborasi penyelidikan bersama yang melibatkan pensyarah kedua-dua buah fakulti bagi menerbitkan jurnal berimpak tinggi dengan perolehan geran sebanyak RM 10,000. Melalui permohonan geran penyelidikan bersama, pensyarah daripada pelbagai latar belakang akan berkumpul untuk menangani isu yang kompleks dan memacu penyelesaian yang inovatif dan hasilnya bakal diterjemahkan kepada penerbitan artikel jurnal berimpak.



Tambahan pula, kedua-dua fakulti secara aktif mempromosikan pertukaran ahli akademik dan pelajar sarjana penyelidikan yang membolehkan cetusan pembaharuan idea dan kepakaran untuk mempergiatkan usaha pengajaran dan penyelidikan bersama. FSSK dan FISIP juga akan saling melakukan perkongsian bahan pembelajaran yang memfokuskan kepada ketiga-tiga program pengajian tersebut supaya dapat memudahkan ekosistem penyebaran ilmu dan wacana ilmiah yang mantap. FSSK akan menerima kunjungan beberapa orang Professor Pelawat serta 10 orang pelajar sarjana muda daripada FISIP, UHO pada tahun ini. Manakala, FSSK akan menghantar beberapa orang pensyarah fakulti untuk ke FISIP, UHO selama beberapa minggu pada tahun ini sebagai salah satu usaha kerjasama dalam program pengajian dan penyelidikan bersama. Pertukaran pelajar oleh FSSK dijangka akan dijalankan pada tahun 2025 yang melibatkan pelajar daripada salah satu program pengajian kerjasama di FSSK. Program pertukaran pelajar peringkat sarjana muda menawarkan peluang berharga untuk menyelami budaya, pengayaan akademik, dan penanaman perspektif global yang mampu untuk menyumbang kepada pembangunan holistik pemimpin dan sarjana masa depan. Melalui usaha kerjasama ini, FSSK dan FISIP menjalin perkongsian kukuh yang dibina di atas nilai kecemerlangan, inovasi dan integriti akademik.




LAWATAN DARI PROGRAM STUDI ILMU HUBUNGAN INTERNASIONAL, FISIP, UNIVERSITAS KOMPUTER INDONESIA KE FSSK UKM

Lawatan daripada Program Studi Ilmu Hubungan Internasional, FISIP, Universitas Komputer Indonesia ke Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, UKM telah berlangsung pada 21 Februari 2024, bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Kajian Media Komunikasi (Mention). Lawatan ini bertujuan membincangkan kerjasama akademik dan jaringan di antara kedua-dua belah pihak.



LAWATAN SEKOLAH MENENGAH ATAS ISLAM PLUS ARROZAQ RANTAUPRAPAT SUMATERA UTARA, INDONESIA KE FSSK UKM

Lawatan dari Sekolah Menengah Atas Islam Plus Arrozaq Rantauprapat, Sumatera Utara, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM telah berlangsung pada 23 Februari 2024 bertempat di Dewan Perdana. Tujuan lawatan adalah untuk memberikan pendedahan program-program pengajian yang ditawarkan di FSSK.



PUSAT PEMERKASAAN REMAJA **(PERKASA) FSSK** LAHIRKAN GOLONGAN REMAJA B40 BERBAKAT

Pusat Pemerksaan Remaja (PERKASA) baru-baru ini telah menganjurkan Karnival Keusahawanan PERMATA bagi tujuan membantu golongan remaja B40 memenuhi keperluan mereka terutamanya dalam bidang pendidikan, bakat dan kemahiran. Karnival ini merupakan acara tahunan yang telah diadakan oleh PERKASA untuk mengumpul semua peserta program PERMATA Remaja agar mereka dapat mempersembahkan hasil kreatif dan bakat yang telah diperolehi sewaktu mengikuti kelas kemahiran bersama program ini. Di antara kelas-kelas kemahiran yang dianjurkan termasuklah seperti kelas kek & pastri, fotografi, vokal & muzik, kelas kecantikan serta kelas button badge.



Matlamat karnival ini adalah untuk meningkatkan kebolehlihatan PERMATA Remaja dalam kalangan masyarakat khususnya golongan B40. Selain itu, karnival ini juga bertujuan untuk menggalakan peserta berniaga, menambah pengetahuan dalam kemahiran berkomunikasi, melahirkan rasa tanggungjawab dan sifat kepimpinan di samping mengasah bakat mereka untuk tampil lebih yakin di khalayak awam. Melalui karnival ini juga, diharapkan remaja-remaja terpilih ini menjadi insan yang berkebolehan dan mampu merubah diri dan keluarga mereka serta masyarakat dalam komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR).



Karnival Keusahawanan PERMATA Remaja telah berlangsung selama 2 hari bermula 6 Mac hingga 7 Mac 2024 di Blok 102, PPR Seri Pantai, Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek. Seramai 250 orang peserta telah terlibat dalam pelbagai aktiviti jualan, pameran, persembahan dan perkhidmatan. Di antaranya adalah jualan produk kek & pastri, perkhidmatan photo booth dan pameran bergambar, perkhidmatan mencetak baju-T & button badges, perkhidmatan mekap, manicure, pedicure & refleksologi, persembahan kumpulan muzik, nyanyian secara solo & berkumpulan serta pelbagai jualan produk makanan dan minuman.

Menurut Ketua PERKASA, Dr. Nasrudin Subhi, program PERMATA Remaja oleh PERKASA telah berjaya menyantuni seramai 8,396 remaja di kawasan PPR sekitar Kuala Lumpur sejak 14 tahun lalu dengan 20% daripadanya berjaya melanjutkan pelajaran ke IPT, 75% mendapat pekerjaan atau membuka perniagaan sendiri dan selebihnya masih bersekolah.




Dirasmikan oleh YB Fadhlina Sidek
Menteri Pendidikan



Dr. Nasruddin Subhi (Ketua PERKASA)





Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

dfssk@ukm.edu.my
+603 8921 5354 (Pejabat Kedekanan)
+603 8921 4741 (Sekreteriat Prasiswazah)
+603 8921 5144 (Sekreteriat Siswazah)

FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN
BATA
M E R A H



@ukmfssk @fssktv | #officialfsskukm | #fsskukm